



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 4 2019/2020
TARIKH: 16 DISEMBER 2019 (ISNIN) 9.00 PAGI BILIK MESYUARAT SPS 3, SPS UTMJB
VC BILIK SPS KL, ARAS 8 MENARA RAZAK, UTM KL

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	ALUAN PENERUSI		
	1.1 Pengerusi memaklumkan bahawa beliau berhasrat agar Mesyuarat JAPSU pada tahun 2020 akan dihadiri oleh pentadbir fakulti sahaja. Ini adalah kerana semua TDA adalah merupakan ahli yang sama di dalam mesyuarat JKA fakulti dan semua keputusan telah dibuat di dalam mesyuarat tersebut. Bagi memudahkan pengurusan dan pelaksanaan mesyuarat, ahli JAPSU dicadangkan adalah dikalangan pentadbir akademik dan pentadbir dikalangan Timbalan Pendaftar/ Penolong Pendaftar fakulti sahaja. Manakala TDA akan membentangkan keputusan di dalam mesyuarat JKTS. Ini adalah selaras dengan hasrat Universiti melaksanakan penurunan kuasa pentadbiran dan operasi kepada pentadbir akademik dan pentadbir PPP di fakulti. 1.2 Mesyuarat pada dasarnya bersetuju pelantikan ahli JAPSU di kalangan pentadbir akademik dan pentadbir PPP fakulti. Surat pelantikan akan dikeluarkan kepada semua pentadbir akademik dan pentadbir PPP yang menguruskan akademik di sekolah/fakulti.	Unit BPKA, SPS	
	1.3 Pencapaian Pasca Sinergi Pengerusi membentangkan pencapaian fakulti-fakulti yang telah berjaya melebihi sasaran graduan sarjana (penyelidikan) untuk 2019. Terdapat 5 fakulti/sekolah yang telah melebihi	Tindakan : Unit IT, SPS	

	sasaran iaitu SKT, SKE, SKM,AB dan CASIS. Fakulti-fakulti lain perlu mengenal pasti punca atau masalah ketidakcapaian sasaran 2019. Pihak SPS masih lagi dalam proses penyediaan data kerana buat masa ini semua data yang perlu dikumpulkan diperolehi dari pelbagai dan banyak sumber. Pihak SPS akan cuba mengumpulkan data yang lengkap dan berkaitan dan akan diedarkan kepada fakulti setelah ianya selesai dilaksanakan.		
	1.5 Pengurusan Peperiksaan Lisan 1.5.2 Bagi pelajar yang tidak boleh/tidak dibenarkan mengisi laporan kemajuan, mereka diberi tempoh 2 hari tambahan untuk menghantar emel permohonan kepada Pengerusi SPS dengan memberi justifikasi yang kukuh mengapa perlu diberi peluang lagi untuk mengisi laporan tersebut. Fakulti boleh menentukan pelajar sama ada pelajar boleh mendapat keputusan MM atau TM di dalam mesyuarat JKA fakulti berdasarkan justifikasi oleh penyelia. Jika pelajar diberi keputusan MM, pelajar akan dibenarkan mengisi laporan kemajuan. Keputusan mesyuarat berkaitan keputusan pelajar ini akan dijadikan bahan bukti di dalam pengisian laporan kemajuan berkenaan. Walau bagaimanapun, mesyuarat JKTS boleh “overwrite” keputusan tersebut. Segala pengemaskinian keputusan pelajar akan dimasukkan di dalam sistem GSMS.	Tindakan : Semua Fakulti	
11.0	HAL-HAL LAIN		
	11.3 Penyeliaan Prof. Madya Dr. Dayang Norhayati binti Abang Jawawi memohon kepastian berkaitan penyeliaan, sama ada pensyarah kanan dibenarkan untuk menjadi penyelia utama pelajar kerja kursus atau mod campuran.	Tindakan : SPS	

	Pengerusi memaklumkan bahawa pensyarah kanan dibenarkan untuk menjadi penyelia bersama. Mohon juga ahli menyemak Jadual Garis Panduan Pemeriksa yang telah dibentangkan di Mesyuarat JAPSU yang lalu. Dicapangkan juga agar jadual tersebut dimuatnaik di dalam Sistem Supervisory Registry sebagai panduan.		
--	---	--	--